

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai Insurans Pemilik Rumah anda.

Tarikh: 04/2026

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah Insurans ^{Tariff} Pemilik Rumah?

Insurans Pemilik Rumah melindungi harta anda daripada kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah serta risiko lain yang dinyatakan dalam polisi insurans.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium **RM530.00 [setahun]**, anda akan menerima perlindungan Insurans Pemilik Rumah berikut dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak **RM500,000**.

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
<ul style="list-style-type: none">Kehilangan atau kerosakan pada bangunan kediaman anda akibat kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas untuk kegunaan domestik.Kehilangan atau kerosakan pada bangunan kediaman anda akibat pesawat udara, kenderaan jalan raya atau haiwan, tangki air atau paip yang pecah atau melimpah, kecurian dengan pencerobohan secara paksa, ribut angin, gempa bumi dan banjir.Kehilangan sewa.Liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan yang berlaku di rumah anda.	<ul style="list-style-type: none">Perang, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan.Risiko radioaktif dan tenaga nuklear.Pengiktirafan tarikh (Date recognition).Kerosakan harta terhadap data atau perisian.Seksyen Liabiliti kepada Orang Awam tidak melindungi sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos yang melibatkan penggunaan, kewujudan, pengesanan, penyingkiran, penghapusan atau pendedahan kepada asbestos.

Dengan membayar **premium tambahan**, anda boleh meluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Mendapan tanah, tanah runtuh, rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat, kebakaran semak/lalang, serta kerosakan akibat pokok atau dahan jatuh dan objek daripadanya.
- Taufan, siklon, ribut tropika dan ribut angin yang menyebabkan kerosakan kepada cerobong logam, awning, bidai, papan tanda serta kelengkapan dan pemasangan luar.
- Perlindungan kecurian lanjutan.
- Peningkatan had liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan yang berlaku di rumah anda.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans ini, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-888-458



Lawati laman sesawang kami di:
www.progressiveinsurance.com.my



E-mel kami di:
customercare@progressiveinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi sahaja, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM530.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Not Applicable</i>
Premium Kasar	RM530.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM42.40 (setahun)
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM582.40 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM79.50
Nota:	
<ul style="list-style-type: none"> Ini hanyalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza berdasarkan liputan insurans anda, tahap risiko, dan kriteria pengunderaitan Progressive Insurance Berhad. Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. 	

4 Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan Pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan terhadap cadangan anda, seperti sejarah insurans dan kerugian. Semua fakta berkaitan mesti dinyatakan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans.
- Perubahan Risiko:** Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan penting sepanjang tempoh polisi supaya pindaan yang perlu boleh dibuat dan disahkan pada polisi insurans anda.
- Jumlah Diinsuranskan:** Pastikan harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira sebarang pengubahsuaian. Jumlah diinsuranskan perlu dipantau dan disemak secara berkala supaya mencerminkan kos penuh membina semula atau nilai sebenar harta bagi mengelakkan kurang insurans. Jika nilai harta melebihi jumlah diinsuranskan semasa kerugian berlaku, anda perlu menanggung sebahagian kerugian tersebut. Anda boleh menggunakan Building Cost Calculator <https://bcc.piam.org.my/> sebagai rujukan.
- Lebihan:** Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum pampasan diberikan.
- Premium:** Premium perlu dibayar dan diterima oleh Progressive Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula polisi. Jika gagal, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak mengenakan premium pro-rata bagi tempoh risiko yang telah ditanggung.
- Tuntutan:** Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera mengenai sebarang tuntutan dan mengambil langkah munasabah untuk mengurangkan kerugian atau kerosakan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, sebarang bayaran balik premium akan dibuat berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Syarikat boleh membayar balik premium yang terhutang di bawah kontrak insurans secara pro-rata atau mengikut tempoh pendek kepada Pihak Diinsuranskan dan mengekalkan premium minimum, kecuali jika pembatalan dilakukan dari tarikh mula polisi ini.
- Jadual Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Insurans	Peratusan Bayaran Balik Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik premium

Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had tertentu. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)